

04/11/2002

Syarikat Malaysia diingat tidak kejar untung saja

Wan Hazmir Bakar

PHNOM PENH, Ahad - Syarikat Malaysia yang melabur di Kemboja harus membantu dalam pembangunan rakyat dan negara itu serta tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bantuan dalam pembangunan prasarana dan sosial di Kemboja akan dihargai rakyat dan kerajaan negara itu, sekali gus membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada usahawan Malaysia.

"Kita patut menolong memakmurkan negara jiran kita, bukan menjatuhkan mereka. Jika kita memakmurkan mereka, perniagaan kita juga akan maju," katanya berucap melancarkan Stesen Janakuasa Elektrik Cambodia Utilities Pte Ltd (CUPL) di sini, petang ini.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri Kemboja, Sar Kheng; Setiausaha Negara Kementerian Industri, Lombong dan Tenaga Kemboja, Ith Praig; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan Pengerusi Leader Universal Holdings Berhad (Leader), Tan Sri Razali Ismail.

CUPL adalah usaha sama tiga syarikat Malaysia iaitu Leader dengan pegangan ekuiti 60 peratus selain Delcom Services Sdn Bhd (Delcom) dan Grand United Holdings Berhad (GUH) yang masing-masing memegang 20 peratus kepentingan.

Projek janakuasa 25 MW bernilai AS\$40 juta (RM152 juta) itu dimulakan pada 1995 dan kini membekalkan kira-kira 40 peratus keperluan elektrik di Phnom Penh.

Dr Mahathir berkata, syarikat Malaysia juga boleh memberi tunjuk ajar kepada syarikat Kemboja mengenai perniagaan supaya mereka dapat menggunakan kemahiran berkenaan untuk melabur di negara lain.

Perdana Menteri berkata, tidak mustahil satu masa nanti syarikat Malaysia dan Kemboja pula menjalankan usaha sama dan pelaburan di negara lain.

"Saya percaya syarikat Malaysia mampu memindah kemahiran kepada rakyat Kemboja dan pada masa sama membantu menangani masalah sosial di negara itu," katanya.

Perdana Menteri juga menawarkan Kemboja pengalaman Malaysia dalam membangunkan industri pelancongan yang menyumbang berbilion ringgit kepada ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata, Kemboja yang memiliki banyak tempat bersejarah harus terlebih dulu membangunkan prasarana yang diperlukan, termasuk aspek pengangkutan udara.